



# Jauhi Laluan Bahaya

Pada suatu pagi, Amin ingin ke sekolah bersama-sama dengan ayahnya. Mereka bertolak awal dari rumah kerana Amin \_\_\_\_\_ sampai lewat ke sekolah. Amin berasa \_\_\_\_\_ sekiranya dia didenda oleh guru di hadapan rakan-rakan yang lain jika lewat.



Semasa dalam perjalanan, suasana di simpang empat sangat bingit. Banyak kereta dan lori bergerak dengan sangat laju tanpa henti. Amin memeluk erat pinggang bapanya kerana \_\_\_\_\_ terjatuh daripada motosikal. Bunyi hon kenderaan yang kuat membuatkan Amin bertambah \_\_\_\_\_. Dia berasa \_\_\_\_\_ jika dia tidak sempat sampai awal ke sekolah seperti biasa.



**bimbang**

**takut**

**cemas**

**risau**

**malu**

